

PERMATA YANG TERPENDAM

HASBIE

SULAIMAN



JENIRI AMIR

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

HADIAH

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000262749

PERMATA YANG TERPENDAM
HASBIE SULAIMAN

JENIRI AMIR

With Compliments
from

B. Penaritian

PERMATA YANG TERPENDAM

HASBIE SULAIMAN

JENIRI AMIR

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan
2014

© Jeniri Amir 2014

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan oleh

Penerbit Universiti Malaysia Sarawak
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh

Lee Ming Press Sdn. Bhd.
No. 48, Jalan Ellis,
93300 Kuching, Sarawak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Jeniri Amir

HASBIE SULAIMAN PERMATA YANG TERPENDAM / JENIRI AMIR.

Includes index

Bibliography : page

ISBN 978-967-5527-63-0


1. Hasbie Sulaiman, 1927-. 2. Nationalists--Sarawak--Biography.

3. Sarawak Politics and government. I. Judul.

923.2959522

Kandungan

1.	Kampung Melayu	1
2.	Membina Keluarga	9
3.	Alam Persekutuan	21
4.	Seratus Tahun Kerajaan Brooke	31
5.	Semangat Ubi Kayu	35
6.	Terlepas Daripada Cengkaman Jepun	59
7.	Sambung Semula Pelajaran	63
8.	Rezeki di Kilang Percetakan	67
9.	Alam Rumah Tangga	73
10.	Berubah Angin	83
11.	Membela Masyarakat Melayu	89
12.	Aktif Dalam Bangsawan	107
13.	Berkursus di Australia	127
14.	Menjelang Kemerdekaan	149
15.	Aktivis Sosial dan Agama	191
16.	Peneraju Sri Tarina	203
17.	Menjadi Pengarah	211
18.	Lawatan Muhibah ke Negara-negara Asean	223
19.	Sirih Pulang ke Gagang	237
20.	Membangunkan Masjid	245
21.	Krisis Ming Court: Lemas dalam Permas	253
22.	Kuli Tinta	269
23.	Kunjungan Anthony Brooke dan Dayang Celia Brooke	279
24.	Ke Bumi Anbia	285
25.	Sinar Budi	301
	Rujukan	307
	Indeks	309



Pemandangan Bandar Kuching 1941.

Prakata

Pada tahun 2009 dan 2011 saya telah menulis biografi gabenor pertama Sarawak, Tun Abang Haji Openg dan biografi Datu Bandar Abang Haji Mustapha, pengasas dan pengurus Parti Negara Sarawak (PANAS). Dalam proses penyelidikan dan penulisan dua buah biografi tersebut saya telah mewawancara Haji Hasbie Sulaiman untuk mengetahui serba sedikit tentang latar belakang dan sumbangan Tun Abang Haji Openg dan Datu Bandar Abang Haji Mustapha. Ketika wawancara tersebutlah saya berpeluang melihat dokumen, keratan akhbar dan biodata Hasbie. Saya langsung tertarik dan kagum dengan latar belakang dan perjalanan hidup serta kerjayanya. Saya juga tertarik dengan pembabitan beliau dalam pertubuhan bukan kerajaan. Justeru, saya terus menyuarakan hasrat untuk menulis biografi tentang beliau.

Siapakah Hasbie? Hasbie merupakan salah seorang anak Sarawak yang berjasa dalam pembinaan negeri ini. Anak seorang pengatur huruf di syarikat percetakan ini dilahirkan pada tahun 1927. Beliau bertambah dan maju langkah demi langkah dalam kehidupannya. Sebagai seorang pejuang nasionalisme, beliau turut meletakkan jawatan bersama-sama pegawai lain dalam Kumpulan 338 pada tahun 1946. Hasbie bergiat aktif dalam Barisan Pemuda Sarawak dan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS). Beliau menjadi saksi bagaimana berpecahnya masyarakat Melayu, dengan ada yang menyokong dan ada yang menentang ketika Charles Vyner Brooke mengambil keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada penjawuh British sesudah Jepun berundur dari negeri ini.

Kehidupan Hasbie begitu berwarna-warni. Banyak pengalaman dan iktibar dapat dipelajari daripada kehidupannya, baik sebagai aktivis sosial dan budaya, pelukis mahupun sebagai penjawat awam. Dengan bakat seni dan penulisan yang ada padanya, Hasbie diberi peluang untuk bekerja di Jabatan Penerangan sebagai pereka grafik. Seorang yang menguasai bahasa Melayu dan Inggeris yang baik, Hasbie terbabit dalam pelbagai aktiviti kebahasaan, termasuk penulisan. Akhirnya, beliau dilantik sebagai Pengarah Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan pada 1970 sebelum bersara pada tahun 1982.

Hasbie ialah saksi perkembangan dan pergolakan politik di Sarawak, dari zaman Charles Vyner Brooke, pendudukan Jepun, kolonial British hingga zaman negara mencapai kemerdekaan.

Beliau turut terbabit secara langsung dalam pergolakan politik Sarawak pada zaman kepemimpinan Ketua Menteri Pehin Seri Haji Abdul Taib Mahmud. Perkelahian Taib dengan bapa saudaranya, Tun Abdul Rahman Yakub sehingga mencetuskan peristiwa Ming Court pada 1987 turut menjerumuskan Hasbie dalam kancah pergolakan itu. Beliau terperangkap dalam dilema sama ada mahu menyokong Taib atau ketuanya, Datuk Haji Noor Tahir yang menyokong Abdul Rahman Yakub dalam perkelahian itu. Akibatnya, Hasbie menerima padah apabila disingkirkan oleh kepemimpinan negeri.

Hasbie seorang yang teliti dan pencatat yang tekun. Beliau mencatatkan aktiviti yang dijalannya, termasuk menyimpan surat dan keratan akhbar yang membabitkan beliau. Semua itu banyak membantu saya dalam penulisan biografi ini. Penulisan biografi menjadi lancar jika bahan tentang tokoh yang ditulis banyak dan mudah didapati. Lebih beruntung lagi jika tokoh berkenaan masih hidup.

Cara saya menulis biografi ini berlainan sedikit. Mula-mula saya membaca dan menyelidik bahan berkaitan sebelum mengolah dalam bentuk tulisan. Saya menulis semua bab serentak dan mengisi kelomongan dengan maklumat baharu yang saya temui kemudiannya. Sesudah itu, saya mewawancara Hasbie. Saya bertanya kepada beliau soalan yang relevan berdasarkan kelomongan dalam teks yang telah ditulis. Perbezaan cara penulisan yang saya maksudkan adalah, saya terus menulis dan mengolah ayat langsung ke dalam teks. Soalan

dikemukakan kepada Hasbie dan maklumat yang diberi akan terus saya olah. Cara penulisan sedemikian memudahkan dan melancarkan proses penulisan biografi ini.

Banyak pihak telah membantu saya dalam penyelidikan dan penulisan buku ini. Namun, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih setinggi-tingginya kepada Haji Hasbie Sulaiman sendiri dan keluarganya. Pertama, kerana bersetuju supaya perjalanan hidupnya dirakamkan dalam bentuk biografi. Kedua, kerana komitmen dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi daripada beliau sepanjang penyelidikan dan penulisan buku ini. Tanpa kerjasama baik daripadanya, saya percaya buku ini tidak akan dapat diselesaikan dalam bentuk yang ada sekarang. Ketiga, kerana beliau sentiasa memberi semangat dan motivasi kepada saya untuk menyiapkan penulisan buku ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Muzium Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, Universiti Malaysia Sarawak dan semua individu yang telah saya temui untuk memungkinkan lahirnya buku ini. Akhir sekali terima kasih kepada isteri saya, Siti Aishah Zaharah Ali dan anak-anak kami yang sentiasa memberi bantuan dan dorongan dalam penulisan buku ini.

Dr Jeniri Amir
Kuching



1

Kampung Melayu

Kampung Nombor Empat merupakan sebuah kampung Melayu yang terletak di sekitar bandar Kuching sejak awal abad ke-19. Keunikan kampung di situ ialah ia menggunakan nombor, iaitu dari nombor satu hingga enam.

Sesetengah kampung sudah pupus kerana tunduk pada pembangunan, manakala yang lain bertukar nama seperti Kampung Segoleng dan Kampung Munggu Kubur. Kampung Segoleng terletak dekat Sungai Bintangor, manakala Kampung Munggu Kubur terletak berdekatan Masjid Jamek Bahagian Kuching, tapak Hotel Dormani ketika ini.

Nama asal kedua-dua kampung itu berubah apabila kerajaan kolonial British mengambil alih kuasa daripada kerajaan Brooke selepas pendudukan Jepun pada 1946. Generasi kemudian sehingga dekad 1970-an masih mendengar nama itu apabila sekali-sekala ibu bapa mereka menyebut kampung berkenaan atau apabila meminta mereka untuk membeli rempah ratus.

Nama kampung-kampung berkenaan diubah dengan menggunakan angka bagi memudahkan penjajah mengingatinya kerana dikatakan nama asalnya sukar disebut atau diingat. Nama kedua-dua kampung itu diubah menjadi Kampung Nombor Satu kerana paling dekat dengan bandar atau pasar. Kampung Bandarshah ditukar kepada Kampung Nombor Dua, Kampung Muhibah menjadi Kampung Nombor Tiga dan sebahagian lagi menjadi Kampung Nombor Empat, Kampung Sungai Lajim menjadi Kampung Nombor Lima, dan Kampung Patingan menjadi Kampung Nombor Enam.

Kuching merupakan bandar terbesar di Sarawak sejak awal abad ke-20. Pada 1920-an, Kuching digambarkan sebagai sebuah bandar yang dikuasai oleh orang Cina. Bandar itu menjadi *Chinatown* pada 1909 meskipun terdapat kaum peribumi mendiaminya—membayangkan kepesatan proses imigrasi ke Sarawak amnya dan Kuching khususnya. Kesesakan berlaku di bandar itu dengan kedai terus dibina oleh peniaga Cina bagi menampung keperluan penduduk yang semakin meningkat. Jumlah imigran Cina telah bertambah sebanyak 45,000 orang pada 1939 menjadi 123,000 orang, mengatasi jumlah penduduk Melayu sebanyak 92,000 orang (Noakes, 1948).

Kesesakan di pasar lama dan keinginan tinggi masyarakat Cina untuk membuka kedai baharu menyaksikan 200 buah kedai didirikan di kawasan Padungan antara 1930 hingga 1939. Kawasan itu bertukar daripada yang penuh dengan kilang sagu, pondok daif nelayan dan rumah kampung menjadi pasar baharu.

Pasar lama di *Main Bazaar* dan *Gambier Street* merupakan kawasan yang sibuk dengan hiruk-pikuk aktiviti perniagaan. Pusat bandar merupakan satu-satunya kawasan yang padat di Kuching ketika itu. Kawasan itu mempunyai rumah kedai orang Cina yang dibina rapat-rapat antara satu dengan lain; menjadikannya kawasan paling sesak. Penduduk di Kuching, termasuk dari kampung Melayu di seberang sungai biasanya bertumpu di kedai-kedai berkenaan untuk membeli-belah pada sebelah pagi. Bagi bandar Kuching, kawasan yang penuh sesak sebahagian besarnya terletak di Jalan Masjid dan Jalan MacDougall—sebuah kawasan kecil di antara dua jalan tersebut dengan sungai, dan pejabat-pejabat kerajaan di tengah-tengah kawasan ini.



Kampung Melayu yang mewarnai Jalan Datu sejak dibina oleh Kerajaan pada tahun 1930. Pintu gerbang yang tersergam itu, untuk menyambut pelawat daripada keluarga Diraja British.



Ahli-ahli Kampung No.4, yang telah bergotong-royong mendirikan dan perhiasan kampung untuk menyambut tetamu kerajaan dan negeri.

Duduk dari kanan; Encik Abdul Rahman bin Haji Bakar, ketua tukang, Haji Jeraie bin Ibrahim, T.K. Hassan Endu, Haji Mansor bin Haji Tahier, Haji Zen bin Man (Penolong Ketua Tukang) dan Haji Hasbie Sulaiman (Perekar arca).

Bahagian yang penting sekali adalah di sepanjang jalan raya selepas sungai, iaitu Jalan Jawa, Jalan Gambir dan Bazaar Besar. Di situ didapati rumah kedai, dermaga, pasar dan gudang kastam (Lee Yong Leng, 1981). Kesibukan begitu ketara di kawasan ini setiap hari, terutama pada sebelah pagi apabila orang ramai sibuk memunggah barang makanan dari dan ke dalam bot atau lori. Suasana hiruk-pikuk kedengaran dan bau yang kurang menyenangkan menyelubungi udara.

Kegiatan perniagaan di pusat bandar dikuasai oleh orang Hokkien. Namun Lorong Carpenter dan kawasan di sekitarnya dikuasai oleh peniaga Kantonis dan Hakka. Lebuh India, seperti hari ini juga sibuk dengan aktiviti perniagaan tekstil. Lorong Khoo Hung Yeang yang sebelumnya terkenal dengan aktiviti perniagaan, kemudiannya bertukar menjadi lorong yang giat dengan aktiviti pelacuran.

Penduduk Kampung Nombor Empat hidup dalam keadaan aman damai. Sebahagian besar daripada mereka mempunyai pertalian darah, sekurang-kurangnya bau-bau bacang. Mereka hidup bagai aur dengan tebing dan berpegang kuat pada ajaran agama Islam dan budaya yang diamalkan sejak turun-temurun. Penduduk kampung yang rata-rata terdiri daripada orang Melayu berpegang pada prinsip ke gunung sama didaki dan ke lurah sama dituruni serta muafakat membawa berkat. Sebahagian daripada mereka menyara kehidupan dengan melibatkan diri dalam pertanian dan menangkap ikan di laut. Yang lain sama ada bekerja dengan kerajaan Brooke atau bekerja sendiri.

Kampung Datu-Datu

Kampung Nombor Empat terletak di Jalan Datu, Kuching. Pada zaman Brooke, jalan itu diberi nama Jalan Datu kerana terdapat banyak golongan Datu dan orang ternama tinggal di sepanjang jalan itu. Sepanjang Jalan Datu terdapat banyak rumah orang Melayu, iaitu dari hadapan Masjid Negeri (Masjid Bahagian) dan Limbungan Kapal Brooke, di tengah-tengah bandar Kuching.

Jalan Datu menghubungkan kampung-kampung berdekatan, termasuk Kampung Nombor Lima dengan bandar Kuching. Di sepanjang jalan berkenaan terdapat banyak rumah tradisional Melayu. Jalan itu dibina pada awal abad ke-20 oleh kerajaan Brooke. Golongan Datu yang tinggal di Kampung Datu sebenarnya telah berpindah dari Lidah Tanah bersama-sama dengan pengikut mereka. Mereka menjadi golongan elit yang menjadi nadi bandar Kuching moden.

Penduduk kampung berbangga dengan kawasan kediaman mereka dan jalan raya berkenaan kerana mereka dikelilingi oleh keluarga ternama. Keturunan Datu adalah daripada kalangan perabangan, dengan yang lelaki digelar "Abang", manakala yang perempuan pula digelar "Dayang". Kebanyakan mereka tinggal di kampung berdekatan dengan Masjid Negeri, termasuk di Kampung Bandarshah. Bandarshah merupakan gelaran yang istimewa dan memiliki erti yang tersendiri berhubung dengan para pembesar negeri Sarawak.

Golongan Datu pada zaman pemerintahan Brooke hidup dengan gaya Eropah. Mereka mempunyai rumah yang tersergam indah sama ada daripada kayu yang bernilai tinggi atau daripada batu. Sebuah daripadanya kekal sehingga hari ini, terletak tidak jauh dari Masjid Bahagian Kuching.

Sebagai golongan aristokrat atau kelas atasan, mereka merupakan antara orang yang terawal memiliki kereta. Mereka juga mempunyai kuda yang dibela untuk tujuan perlumbaan, selain memiliki perahu. Menjadi kebanggaan bagi mereka untuk memiliki perahu yang bertanding dalam lumba perahu pada setiap tahun.

Lumba perahu atau *regatta* merupakan aktiviti sukan air yang ditunggu-tunggu, kerana ia merupakan aktiviti hiburan yang menyeronokkan bagi penduduk kampung. Mereka dari kampung dan kawasan pesisiran akan berduyun-duyun turun ke Kuching untuk menyaksikan acara menarik itu.

Kemudiannya, jalan itu diberi nama Jalan Datuk Ajibah Abol sempena nama seorang ahli politik wanita yang pernah memegang portfolio Menteri Kebajikan Negeri Sarawak pada 1970-an dahulu. Kampung itu kini mempunyai sekitar 90 buah rumah dan 500 orang penduduk. Ketua kampungnya silih berganti.

Berdasarkan sejarah, Ketua Kampung Hassan Endu pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Kampung itu sejak 1935, tidak lama selepas Hasbie Sulaiman dilahirkan. Beliau menggantikan Ketua Kampung Sulaiman Abang Bahim. Beliau yang dilantik oleh kerajaan Charles Vyner Brooke bukan sahaja menjadi ketua kampung berkenaan, tetapi juga Kampung Nombor Tiga dan Nombor Empat, malah bagi Kampung Masjid hingga seluruh Kuching.

Ketua Kampung Hassan Endu disifatkan sebagai pemimpin yang berwibawa, proaktif dan positif. Beliau tegas dan bertanggungjawab ketika menjalankan tugas dan amanah yang diletakkan di bahunya. Beliau begitu mesra dan begitu prihatin terhadap anak-anak buahnya dan sering mendampingi mereka. Para penduduk kampung boleh mengadu dan meminta pertolongan daripada beliau, tidak kira siang atau malam. Beliau bagai pohon rendang tempat penduduk kampung berteduh.

Malah, Hassan Endu begitu memandang ke hadapan apabila melihat pelajaran sebagai asas untuk membangunkan masyarakatnya. Beliau bersimpati dan sedar bahawa penduduk Melayu di kawasannya perlu mendapat pendidikan yang sempurna. Justeru beliau mengajak penduduk kampung bergotong-royong membaik pulih Sekolah Merpati Jepang di Jalan Datu Patinggi Ali, dengan kos terbesarnya dibiayainya sendiri. Di bangunan kayu itulah pemimpin-pemimpin Melayu hari ini seperti Abang Johari Tun Abang Haji Openg, Sulaiman Daud dan Abang Abdul Rauf Abang Zen mendapat pendidikan mereka.

Sebagai pemimpin yang prihatin dan mengambil berat terhadap nasib dan kebajikan mereka di bawah jagaannya, beliau mengamalkan konsep pintu terbuka. Rumahnya seperti "rumah pasung" atau balai polis, dengan ruang tamu dijadikan mahkamah. Beliau menjadi hakim bagi kes pergaduhan, perkelahian dan perceraian. Disebabkan sikapnya yang adil dan tanpa pilih kasih, penduduk begitu menghormati beliau.

Hassan Endu mempunyai keperibadian dan watak yang menarik. Beliau bersuara lantang dan tegas. Misainya yang tebal menambahkan personalitinya yang disifatkan sebagai berwarna-warni. Tubuhnya sederhana, tidaklah begitu tegap dan tinggi, tetapi berani dan cekal. Beliau menguasai adat resam dan patuh kepada ajaran agama Islam.

Sesiapa yang hendak mengadakan majlis kenduri-kendara, majlis pertunangan dan perkahwinan, perlu memaklumkan kepadanya. Malah, para penduduk kampung perlu memaklumkan kepada beliau terlebih dahulu sebelum majlis gendang diadakan. Selepas mendapat pengesahan daripadanya, permohonan akan dikemukakan kepada pihak polis. Lazimnya, salinan kebenaran polis dipamerkan di majlis tari-menari dan bergendang itu.

Sebagai Ketua Kampung, Hassan Endu menjalin hubungan yang rapat dengan orang kenamaan seperti Datu Bandar, Datu Hakim, Datu Amar, Datu Menteri, Datu Bentara, Residen British dan Pegawai Anak Negeri. Beliau amat disenangi oleh para pemimpin dan pegawai kerajaan. Beliau meninggal dunia pada 27 Julai 1964, meninggalkan legasi yang besar kepada sejarah kampung itu.

Di Kampung Nombor Empat juga terdapat seorang alim ulama yang terkenal, iaitu Sheikh Haji Mohammad Salleh bin Haji Arif. Beliau telah menuntut di Kalimantan Barat dan di Makkah dalam bidang agama, dan mengajar di Kabupaten Sambas. Sheikh Haji Mohammad beristerikan Jawahir, salah seorang daripada keturunan Sultan Sambas.

Beliau kembali ke Sarawak atas pujuhan keluarganya. Sekembalinya ke negeri, beliau disambut dengan kesyukuran dan kebanggaan oleh penduduk kampung dan orang ramai. Beliau mendirikan sebuah pusat pengajian di rumahnya bagi memenuhi permintaan masyarakat. Sheikh Haji Mohammad Salleh Arif mengajar ilmu fiqah, usuluddin, tafsir Al-Quran dan hadis. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Hakim di Mahkamah Datu-Datu oleh Majlis Agama Islam Sarawak.



2

Membina Keluarga

Sulaiman Mohammad dan isterinya yang tinggal di Kampung Nombor Enam di hadapan rumah Datu Bentara Haji Hashim ketika itu menghadapi hari-hari yang dilaluinya dengan penuh saspens. Tahun 1927 bakal mengubah kehidupan mereka; mereka bakal bergelar ayah dan ibu.

Isteri Sulaiman, Ramlah Sulong, yang dinikahinya sekitar setahun sebelumnya sedang sarat mengandung. Ramlah pandai bertenun kain, membuat kuih untuk jualan dan cekap dalam masak-memasak. Selain itu, ia juga pintar bergendang dan berpantun. Suaranya yang merdu membolehkannya diberi peluang untuk merakamkan lagu oleh Radio Sarawak.

Sulaiman menanti hari-harinya dengan penuh debar, tidak sabar untuk menimang cahaya mata pertama. Beliau yang berkhidmat di Pejabat Percetakan Kerajaan, Kuching mendoakan agar isteri kesayangannya tidak menghadapi masalah apabila melahirkan anak sulung mereka nanti.

Sulaiman berasal daripada rumpun keluarga yang besar. Abdul Rauf, bapa Yusuf yang juga dikenali sebagai Derauf telah mendirikan rumah tangga dengan Bariah, dan daripada perkahwinan itu mereka

dianugerahi lapan orang anak, lima lelaki dan tiga perempuan. Seorang daripada mereka ialah Taibah, ibu kepada Mohamad.


Adik-beradik yang lain dikenali sebagai Salleh, Ahmad, Sud, Arshad, Malifah dan Salehah. Malangnya, anak yang bongsu dilahirkan bisu dan kembali ke Rahmatullah dalam usia muda.

Sulaiman berminat membaca buku dan akhbar, selain turut terlibat dalam aktiviti lumba perahu apabila acara berkenaan dianjurkan oleh kerajaan Vyner Brooke. Jabatan tempatnya bertugas turut menyertai acara lumba perahu dengan Sulaiman sendiri menjadi antara pengayuh yang dipilih mewakili jabatan kerana kekuatan tenaganya. Antara rakan sepejabat yang pernah menyertai acara itu ialah Mahri T.K. Othman, dan Haji Zainuddin.

Ketua beliau, John Charter menaruh minat yang mendalam dalam aktiviti berkenaan dan sering memberi dorongan kepada stafnya agar berusaha dengan bersungguh-sungguh supaya mendapat kedudukan terbaik dalam acara lumba perahu yang memang menjadi kegemaran dan hiburan para penduduk pada ketika itu.

Mereka tinggal di sebuah rumah yang diperbuat daripada kayu dengan beratapkan daun nipah, sama seperti kebanyakan rumah penduduk kampung ketika itu. Rumah yang terletak di Kampung Nombor Lima, Jalan Datu, Kuching itu sederhana besarnya, memiliki empat buah bilik. Rumah yang dibina oleh orang tua mereka itu didirikan di tebing Sungai Sarawak. Sungai Sarawak terkenal sebagai sistem perhubungan para penduduk kampung yang tinggal di sebelah-menyebelah sungai berkenaan. Tingkat bawah rumah digunakan untuk menyimpan barang-barang milik keluarganya, termasuk basikal dan alat pertanian.

Mereka yang menetap di kampung-kampung di sekitar Kuching sebahagiannya berpindah ke bandar itu dari kawasan pesisiran seperti Santubong, Samarahan, Sadong, selain pedagang dari Celebes, Pulau Jawa dan Sumatera. Sebahagian mereka mendirikan rumah di tebing sebelah utara pada awal abad ke-19. Maka wujudlah beberapa buah kampung yang bernuansa Indonesia seperti Kampung Boyan, Kampung Gersik dan Kampung Surabaya.



Ayahanda Encik Sulaiman
Mohamad bin Yusuf
(1907-1945).



Bonda Puan Hajah Ramlah Yong
binti Sulong bin Arshad
(1909 - 1948).



Dari kanan; Encik Sulaiman bin Muhammad (ayahku), Bonda Sebah binti Sulong (ibu saudara), Cik Aishah binti Zain (jiran) Bonda Ya'anah binti Mohammad (ibu saudara), Puan Hajah Ramlah Yong binti Sulong (ibuku), Nenekandaku, Puan Aishah binti Hossen, Encik Sirat bin Sulong (bapa saudara).

Barisan hadapan; dari kanan, adik Adillah, adik Halimah binti Sirat (sepupu), Bujang dan Mohd. Hasbie bin Sulaiman.

Ramlah ialah anak bongsu kepada pasangan Sulong bin Arshad dengan Aishah binti Hussein. Adik-beradik Ramlah yang lain ialah Abet, Sebah, Sirat, Sibeng, dan Napis.

Sulaiman yang lebih dikenali sebagai Lemon dalam kalangan penduduk kampung merupakan anak ketiga daripada sebelas orang adik-beradik. Adik-beradik beliau yang lain ialah Sirat, Sidek, Sulaiman, Bakar, Aini, Hori, Bahah, Dahlan, Mariam, Shahdan dan Yak. Ketika itu memang menjadi kelaziman penduduk untuk menyingkatkan nama anggota keluarga masing-masing. Hal ini berbeza daripada keadaan sekarang, dan nama yang diberi oleh ibu bapa juga adalah nama tipikal Melayu. Sulaiman bekerja sebagai pengatur huruf di Jabatan Percetakan Negeri di tengah-tengah bandar Kuching. Sebagai seorang yang kuat bekerja demi menampung keperluan keluarga, pada sebelah malam beliau turun ke Sungai Sarawak dengan perahunya untuk menunggu para pekebun Bidayuh dan Iban yang membawa hasil pertanian mereka ke pasar ceko. Beliau membeli produk berkenaan daripada para petani untuk dijual di pasar ceko kerana di situ beliau mempunyai gerai yang dijaga oleh adiknya. Sulaiman menunggu di tepi Sungai Sarawak ketika air surut. Daripada perniagaan kecil-kecilan itulah Sulaiman dapat menambah pendapatan untuk menyara keluarganya. Ada daripada produk berkenaan dihantar ke Sibu dan Miri dengan kapal.

Hasbie sebenarnya mewarisi kemahiran dan bakat melukis daripada ayahnya. Sulaiman biasanya melukis pelbagai objek di atas kartas lukisan dan ketika kecil Hasbie selalu memerhati bagaimana cara ayahnya melukis. Kadangkala Hasbie bertanya kepada ayahnya akan maksud lukisan berkenaan, tetapi malangnya semua lukisan itu telah hilang dan musnah.

Sulaiman juga menjadi pemandu John Charter pada sebelah petang selepas waktu pejabat atau pada waktu kelapangan. Ketuanya itu sangat suka kepada sifat Sulaiman yang rajin dan mengikut uruhum.

Sebagai ayah, Sulaiman merupakan seorang yang tegas dan mengutamakan disiplin dan akhlak yang mulia. Namun beliau tidak pernah memukul anaknya dengan rotan meskipun dalam keadaan

marah. Sebaliknya, beliau menunjukkan teladan yang baik dengan menggunakan bahasa yang lembut atau sesuatu yang amat berkesan dalam mendidik dan membentuk anak-anaknya.

Sulaiman dan Ramlah sedar bahawa saat yang dinanti-nanti bakal menjelma tidak berapa lama lagi. Perut Ramlah kelihatan semakin memboyot. Azan subuh berkumandang dari sebuah masjid di Kampung Nombor Lima, Jalan Datu, Kuching. Perut Ramlah mulai terasa sakit menjelang tengah malam. Ramlah dan suaminya tahu bahawa bayi yang dikandungnya akan dilahirkan.

Sekitar jam 5.00 pagi, 4 Mac 1927, Ramlah Sulong, yang dikenali dalam kalangan penduduk kampung sebagai Yong, melahirkan seorang bayi lelaki yang sempurna anggotanya meskipun tidak mongel. Pasangan muda itu menyambut kelahiran bayi mereka dengan memanjat rasa kesyukuran dan kegembiraan. Bayi itu diberi nama Hasbie. Pasangan muda itu mengadakan majlis doa selamat dan kesyukuran menyambut bayi kesayangan mereka itu.

Sulaiman, ayah Hasbie, merupakan seorang yang penyayang dan tidak pernah membeza-bezakan layanan kepada anak-anaknya. Beliau tidak berkasar dengan mereka, manakala anak-anaknya pula takut dan hormat kepadanya. Sifat tegas dan kegigihan berusaha mencari rezeki dijadikan azimat oleh anak-anaknya dalam kehidupan. Meskipun tidak berpendidikan tinggi, namun Sulaiman juga sempat mendapat pendidikan daripada Lay School, Jalan Masjid, Kuching. Di sekolah itu, beliau mempelajari bahasa Inggeris sehingga dapat menggunakan bahasa itu dengan memuaskan.

Pasangan suami isteri itu sentiasa mengingati dan mengamalkan ajaran Islam dengan tidak mengabaikan solat dan berzikir setiap waktu. Sebenarnya, Hasbie mempunyai seorang datuk yang mahir dalam Al-Quran. Sulong bin Arshad terkenal dengan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran membaca Al-Quran. Beliau mengajar Al-Quran di sekitar Samarahan dan kampung-kampung Melayu. Pada setiap bulan Ramadan, Sulong sering mengundang rakan-rakannya seperti Haji Bahauddin, Iman besar Masjid Negeri, Haji Suut Abdul Wahab, Haji Yusuf Abdul Ghani, Haji Daud Abdul Ghani, Haji Ahmad bin Drauf dan Haji Bolhain, Imam Masjid Bahagian

untuk bertadarus di rumah Sulaiman di Kampung Nombor Lima atau Kampung Sungai Lajim. Mereka bertadarus sehingga waktu sahur.

Beliau telah mendirikan sebuah rumah besar yang diperbuat daripada kayu yang dibelinya hasil pendapatannya bermula kecil-kecilan di ceko, selain pendapatan daripada pekerjaan di pejabat kerajaan. Ceko merupakan pasar tamu di tebing Sungai Sarawak yang terkenal dalam kalangan masyarakat di Kuching. Di pasar ceko dijual barang-barang keperluan harian seperti sayur-sayuran, nyiur, ubi keledek, rempah ratus, dan keperluan dapur yang lain.

Sebagai seorang yang berjimat cermat dan mengutamakan masa depan keluarga, beliau muh mampu memastikan rumah didirikan terlebih dahulu, apatah lagi bagi masyarakat kampung ketika itu, kejayaan mendirikan rumah menggambarkan kejayaan hidup seseorang.

Rumah dua tingkat itu mempunyai beranda dan empat buah bilik yang menempatkan anak-anak. Sekali-sekala saudara-mara tidur dan "berambeh" di rumah mereka, suatu kebiasaan bagi masyarakat di kampung yang begitu rapat dalam perhubungan. Kadangkala saudara-mara yang balik dari pasar singkah sebentar atau bermalam di rumah itu.

Menuba Ikan di Sungai Sarawak

Sungai Sarawak yang berada di belakang rumah keluarga Sulaiman merupakan sistem pengangkutan penting pada awal abad ke-20. Satu daripada acara tahunan yang diadakan di sungai itu, yang sentiasa dinanti-nantikan oleh penduduk ketika itu ialah upacara menuba ikan. Selain penduduk dapat menangkap ikan, ia merupakan aktiviti hiburan yang menyeronokkan mereka. Apabila acara itu diadakan pada tahun-tahun 1930-an dan 1940-an, ramai sekali penduduk yang menyertainya, dengan perahu berada di sungai, sementara orang ramai menyaksikannya dari tebing Sungai Sarawak.

Acara tradisi ini sentiasa ditunggu-tunggu oleh Sulaiman dan keluarganya. Acara itu bertujuan untuk mendapatkan ikan, udang

dan lain-lain, selain sebagai acara hiburan, dan menandakan sesuatu perayaan tradisional Melayu. Tuba yang dibeli, sepikul atau dua pikul ditumbuk dan racunnya diperah daripada kulit, dan racun itu dicurahkan ke dalam Sungai Sarawak, dari jambatan gantung. Terdapat beratus-ratus buah perahu yang memuatkan peserta daripada pelbagai kampung yang berdekatan dengan sungai berada di sungai.

Suasananya begitu riang gembira dan meriah, terutamanya selepas pelbagai jenis ikan seperti baung, pari, sembilang dan bedukang timbul kerana mabuk. Para peserta begitu gembira apabila mereka berjaya mendapatkan ikan besar. Ikan mulai timbul sekitar satu jam selepas tuba dicurahkan ke dalam sungai. Apabila ikan timbul, peserta berebut-rebut untuk mendapatkan ikan tersebut dengan seledok.

Mereka berada di dalam sungai sejak Subuh dan berada di situ berjam-jam sehingga ikan tidak lagi timbul. Peserta dari kampung yang jauh ada yang turun pada hari sebelumnya dan bermalam di dalam perahu mereka. Hasbie kadangkala mengikut ayahnya, terutamanya ketika remaja. Namun, acara itu diharamkan pada zaman pemerintahan British kerana menua dianggap mencemarkan air sungai sehingga menyebabkan spesies ikan tertentu pupus.

Sulaiman menemui ajal di Kudat pada 1945 ketika zaman pendudukan Jepun kerana diserang sakit *beri-beri*. Pihak berkuasa Jepun telah memilih Sulaiman untuk dihantar ke Kudat kerana Jepun memerlukan pemandu kereta dan kebetulan beliau merupakan seorang pemandu yang baik. Lagipun, Jepun tahu bahawa Sulaiman seorang peniaga.

Atas maklumat yang diperoleh tentera Jepun mengenai beliau, maka akhirnya Sulaiman didatangi Jepun di ceko. Beliau dihantar ke Kudat bersama-sama dengan seorang rakannya dengan sebuah kapal yang sederhana besarnya. Selepas itu, beliau tidak lagi pernah kembali ke Sarawak hinggalah suatu hari pada 1945 Hasbie menerima suatu berita buruk.

Hasbie yang ketika itu berusia 18 tahun menerima berita itu daripada bapa saudaranya, Sirat. Ketika menerima berita itu Hasbie berada di rumah bersama-sama dengan keluarganya. "Kamek ada

berita sedih mengenai dengan suami kitak di Kudat, telah meninggal dunia," kata Sirat kepada ibu Hasbie. Hasbie dan seluruh anggota keluarga berasa begitu sedih dan menitiskan air mata, kerana sedar bahawa mereka tidak mungkin dapat membawa jenazah orang yang disayangi mereka itu ke Kuching, selain tidak mungkin dapat menatap wajahnya untuk kali yang terakhir.

Sebagai anak sulung, Hasbie diminta oleh ibunya untuk memaklumkan berita sedih itu kepada seluruh kaum keluarga di kampung-kampung di sekitarnya. Mereka kemudiannya datang ke rumah ibunya di Kampung Nombor Lima, rumah yang dibina oleh Sulaiman. Mereka mengadakan majlis "turun tanah" pada sebelah siang, yang turut dihadiri oleh keluarga dan para penduduk kampung.

Acara turun tanah yang biasanya diadakan selama tujuh malam berturut-turut merupakan acara keagamaan yang bertujuan untuk mendoakan roh umat Islam yang meninggal dunia supaya dirahmati Allah dan ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman. Doa arwah dibacakan oleh imam surau pada ketika itu.

Hasbie menyifatkan pemergian ayahnya sebagai kehilangan seorang mentor dan pendidik yang sukar dicari ganti. Baginya, sebagai seorang ayah Sulaiman telah memberi sumber inspirasi kepadanya sejak kecil hingga dewasa. Beliau telah memberi pendidikan rohani dan duniawi bagi membentuk akhlak dan keperibadian yang mulia. "Ayah mempamerkan motivasi yang gigih dalam mencari rezeki, bekerja keras dan tabah dalam mengharungi cabaran dan perjuangan hidup," jelas Hasbie.

Pada 1960-an Hasbie telah cuba menjelaki kubur ayahnya di Kudat. Beliau menyatakan hasratnya itu kepada Ivor Kraal, pegawai akhbar di Jabatan Penerangan, tempat beliau bertugas. Ivor yang berasal dari Kuala Lumpur menyatakan kesediaannya untuk pergi bersama-sama Hasbie. "Jika kamu mahu pergi, saya boleh menemani kamu. Lagipun kita boleh minta bantuan Fuad Stephens," kata Ivor kepada Hasbie.

Fuad Stephens kemudiannya menjadi Ketua Menteri Sabah. Ivor merupakan teman rapat Fuad Stephens kerana Fuad pernah menjadi

pegawai penerangan di Sabah. Mereka bertiga pergi ke Kudat dan bertanya kepada penduduk tempatan. Mereka menjelaki beberapa buah kubur orang Islam, tetapi selepas puas mencari, mereka pulang dengan rasa kecewa. Mereka gagal menjelakinya kerana pada waktu pemerintahan Jepun, urusan pengebumian tidak dilakukan dengan sempurna sehingga sukar mengenal pasti tapak kubur orang yang meninggal.

"Meskipun diselubungi kesedihan, namun saya terpaksa pasrah. Namun, sekurang-kurangnya di Kudat saya membaca surah Al-Fatihah dan membaca doa. Selepas itu, saya dan keluarga tidak lagi berusaha mencari kerana kami percaya tidak mungkin kami dapat menjelaki kubur ayahanda," jelas Hasbie dengan nada sedih.

Hasbie dan adik-adiknya, Bujang, Abdillah, Nanek, Salehah dan Latifah telah kehilangan ayah yang membesarkan dan mendidik mereka. Mereka berazam meneruskan kehidupan di bawah bimbingan abang mereka yang tertua, iaitu Hasbie.



Upacara menuba ikan di Sungai Sarawak salah satu acara tahunan 1931-1941.



3

Alam Persekolahan

Hubungan Hasbie Sulaiman dengan Kampung Nombor Empat umpama isi dengan kuku. Di Kampung No.5 itulah dia dilahirkan, dibesarkan dan bersekolah. Di kampung itulah juga dia mengisi masa lapangnya waktu kanak-kanak dan remaja. Pada tahun-tahun 1930-an, sudah mula timbul kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuching tentang nasib yang menimpa mereka. Terdapat perbincangan termasuk dalam akhbar tentang betapa perlunya orang Melayu melakukan perubahan. Masyarakat Melayu yang masih lagi berpegang pada kepercayaan lama dan kufur menganggap perkembangan dan perubahan adalah amat perlahan.

Dalam *Sarawak Gazette* bertarikh 1 Oktober 1933, seorang penulis yang menggelarkan dirinya "Jawi Peranakan" menulis,

Wanita Melayu di Sarawak terkenal dengan kemahiran mereka dalam menenun sarung, sulam-menylam dan sebagainya. Tetapi tentang mengurus

rumah tangga, menjaga bayi dan memasak, mereka agak di belakang berbanding dengan wanita di tempat lain, mungkin disebabkan kurang latihan. Pembaziran masih diamalkan dan juga kepercayaan karut... Pergerakan wanita Melayu amat lembap... Kita perlu menasihati orang Melayu supaya menghantar anak perempuan ke sekolah. Saya hairan mengapa ada pihak yang mengatakan bahwa dengan menghantar anak perempuan ke sekolah akan menjajaskan akidah mereka. Hakikatnya, semua umat Islam perlu mendapatkan pendidikan.

Sudah kedengaran kritikan terhadap orang Melayu yang terpengaruh oleh unsur moden dari Barat, termasuk cara mereka bergaul, berpakaian dan mengadakan majlis perkahwinan. Pemakaian songkok dan sabuk semakin tidak popular; sebaliknya sesetengah pihak sudah mulai memakai tali leher dan seluar *bell-bottom*.

Keadaan sedemikian berlaku akibat peningkatan pengaruh Barat, dengan ada daripada golongan muda Melayu turut menubuhkan kelab sosial dan sukan seperti Kampung Tanjung Club pada 1926, Gersik Kesetiaan Club (1927) dan Sarawak Malay Tennis Club (1929), meniru kelab-kelab Orang Putih.

Sebenarnya, kelab pertama Melayu telah ditubuhkan pada 1914. Kuching menyaksikan kemunculan kelab sedemikian umpama cendawan tumbuh selepas hujan pada dekad 1930-an, membuktikan perubahan sosiobudaya yang berlaku dalam masyarakat Melayu ketika itu. Kemunculan kelab-kelab ini, yang jelas merupakan amalan dan budaya Barat menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan orang dewasa dan golongan tua yang masih berpegang kepada budaya tradisional.

Keinginan untuk mengubah masyarakat Melayu dan menyebarkan berita dan maklumat berguna telah menyebabkan lahirnya akhbar Melayu pertama di Sarawak, *Fajar Sarawak* pada 1930. *Fajar Sarawak* yang diterbitkan dua kali seminggu berhasrat untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Melayu. Tetapi

akhbar itu tidak bertahan lama, disebabkan kurang sambutan, kadar buta huruf yang masih rendah, kekurangan modal akibat kemelesetan ekonomi global, dan mungkin kerana tindak balas golongan Datu yang menjadi sasaran kritikannya.

Waktu kanak-kanak Hasbie sama seperti kanak-kanak lain waktu itu yang suka bermain guli, gasing, layang-layang dan permainan tradisional yang lain. Teman sepermainannya ialah anak-anak jiran dan anak saudara-mara yang tinggal di kampung itu. Meskipun demikian Hasbie tidak bermain sampai leka sehingga mengabaikan tanggungjawabnya sebagai anak sulung.

Hasbie lebih suka bergaul dengan orang tua, kerana dengan itu, dia dapat menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman daripada mereka. Hasbie dapat bergaul rapat dan mesra dengan orang tua dan masyarakat. Dia sering ke surau mengikut ayahnya sejak kecil lagi. Dia juga turut menghadiri majlis-majlis yang diadakan di kampung seperti majlis pertunangan, perkahwinan, berkhatan dan kematian.

Kecenderungan itu timbul kerana percaya bahawa dengan pergaulan itu dia dapat menambahkan pengetahuan, selain menjalin persaudaraan dan perasaan muhibah dengan para penduduk kampung. Tumbuhan pula, amalan sedemikian penting bagi memastikan jika sesuatu tragedi atau peristiwa menimpa keluarga, orang lain tidak akan memulaukannya.

Pada usia enam tahun, Hasbie dihantar ke Sekolah Merpati Jepang di Jalan Patinggi Ali dari 1932 hingga 1936. Datu Patinggi Ali merupakan seorang pemimpin masyarakat Melayu yang terbilang pada masa silam.

Sebahagian daripada masyarakat Melayu sudah mempunyai kesedaran tentang pentingnya pelajaran. Justeru, ibu bapa mahu anak-anak mereka pergi ke sekolah untuk menuntut ilmu. Bagi ibu bapa, setidak-tidaknya, anak mereka tidak buta huruf. Dengan berada di bangku sekolah, setidak-tidaknya mereka boleh membaca dan menulis.

Memang ada yang memasang angan-angan supaya anak mereka dapat menjadi kerani dan bekerja dengan kerajaan. Bekerja dengan kerjaan merupakan sesuatu yang menjadi kebanggaan ketika

sebahagian besar penduduk bekerja sendiri, menjadi nelayan atau menjalankan aktiviti pertanian.

Sekolah Merpati Jepang di Kampung No.4 yang didirikan oleh Kerajaan Charles Vyner Brooke pada 1930, tiga tahun selepas Hasbie dilahirkan menjadi tempat anak-anak masyarakat Melayu mendapat pendidikan. Jumlah murid yang mendaftar pada tahun pertama sekolah itu dibuka ialah 30 orang. Pada tahun yang sama Vyner Brooke turut mendirikan Sekolah Permaisuri di Kampung Satok.

Sekolah ini merupakan satu-satunya sekolah perempuan yang diwujudkan pada zaman Brooke. Sekolah itu adalah di bawah naungan Datu Bandar Abang Abdillah. Sekolah Encik Buyong dibuka semula di Kampung Ulu Sungai Bedil untuk kanak-kanak di kawasan sekitar Istana pada 1931 dan Sekolah Kampung Gersik, Kuching yang dikhatusukan kepada kanak-kanak di kawasan kuala sungai.

Setelah tamat darjah empat, Hasbie berpindah ke Sekolah Madrasah Melayu, Jalan Jawa No 1, Kuching. Sekolah ini merupakan sekolah menengah Melayu pertama yang dibina oleh kerajaan ketika itu. Sekolah itu dikenali sebagai *Malay College*. Sekolah Madrasah Melayu ialah hasil gabungan dua buah sekolah, iaitu Sekolah Kampung Jawa dengan Sekolah Sekular Kerajaan.

Sekolah Madrasah itu diberi tanggungjawab untuk menawarkan taraf pendidikan yang lebih tinggi daripada yang terdapat di kampung. Ia mempunyai 367 orang murid lelaki berdaftar, manakala ada lagi yang menunggu dalam senarai.

Sarawak Gazette menyatakan bahawa matlamatnya adalah untuk membantu pelajar Melayu melengkapkan dirinya dengan kemahiran tertentu supaya sekolah itu dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam kehidupan masyarakatnya sendiri. Editor penerbitan itu, seorang pegawai Inggeris yang menulis pandangan itu berharap agar pelajar dapat kembali ke kampung halaman mereka dengan berbekalkan ilmu dan kemahiran untuk mencari kerja atau bekerja sebagai guru di kawasan desa (*Sarawak Gazette*, 2 Mac 1931).

Sekolah Madrasah Melayu mempunyai matlamat untuk mengajar mata pelajaran lanjutan dalam bahasa Melayu, kraf tangan, pertanian,

kesihatan, kejuruteraan asas, dan juga menyediakan guru untuk sekolah Melayu. Selain itu, bagi latihan guru, pelajar Melayu yang menunjukkan prestasi yang memuaskan dihantar ke Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Namun, sekolah berkenaan tidak diberi tanggungjawab untuk menyediakan kerani untuk perkhidmatan kerajaan. Justeru, ia tidak menawarkan kursus komersial yang memungkinkan orang Melayu dapat bersaing dengan orang Cina. Sekolah itu menitikberatkan sukanan pelajaran yang praktikal bagi melahirkan lulusan sekolah yang tidak sekadar mempunyai cita-cita untuk menjadi kerani dalam sektor perkhidmatan awam. Sebaliknya, kerajaan Brooke ingin melihat bahawa mereka yang lulus daripada sekolah berkenaan akan kembali ke kampung halaman mereka bagi mengusahakan ladang atau sawah.

Kerajaan Brooke menganggap bahawa pertambahan jumlah pelajar Melayu yang memasang cita-cita dan keinginan untuk menjadi kerani kerajaan sebagai sesuatu yang tidak sihat atas alasan bahawa permintaan jawatan berkenaan adalah melebihi penawaran. Sekolah Madrasah Melayu ditubuhkan untuk mengekang trend berkenaan.

Sekolah itu tidak menitikberatkan bahasa Inggeris kerana ibu bapa bimbang akan pengaruh budaya Barat. Sekolah yang ditubuhkan pada 1931 itu mempunyai 280 orang murid lelaki, kerana ibu bapa tidak cenderung menghantar anak perempuan mereka ke sekolah pada ketika itu; dibimbangi mereka akan terdedah kepada anasir jahat.

Menjelang 1933, sejumlah 400 orang murid telah mengikuti pelajaran di sekolah itu, sekali gus menjadikannya sebagai sekolah bukan mualigh terbesar di Kuching. Pada 1933 juga, pelbagai sekolah mendaftarkan sekitar 500 orang murid, hampir sama jumlahnya dengan murid di sekolah St. Thomas.

Pelajaran di Sekolah Madrasah itu bermula dari darjah empat sehingga darjah enam, dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Guru Besar waktu itu ialah Tuanku Madehi Tuanku Othman. Murid yang lulus darjah enam, iaitu tingkat tertinggi ketika itu dipilih untuk memasuki Maktab Latihan Guru di bangunan yang sama.

Hasbie dipilih untuk melanjutkan pelajaran bahasa Inggeris bersama-sama dengan murid yang tamat darjah empat dari beberapa buah sekolah rendah di Kuching dan bahagian-bahagian lain di Sarawak. Beliau dan murid-murid lain dimasukkan ke sebuah kelas bahasa Inggeris yang pertama ditubuhkan di Madrasah Melayu, iaitu *Special English Class A*.

Kelas bahasa Inggeris itu dimulakan pada 1939 bagi pelajar Melayu yang telah lulus peperiksaan khas. Kelas itu diperkenalkan oleh Pegawai Pelajaran Sarawak, A. Kier, mantan Pegawai Pelajaran di Tanah Melayu. Sekolah itu menyerupai kelas khas Melayu di sekolah-sekolah Inggeris di Tanah Melayu.

Hasbie berasas baik kerana dia dan rakan-rakan sekelasnya diajar oleh guru siswazah lulusan luar negeri dan guru yang berpengalaman, selain isteri para pegawai kolonial dan guru Cina. Antara guru beliau ialah Mrs Kennedy, Mrs Field dan Miss Gray yang berasal dari England, selain guru Cina dari Hong Kong, iaitu Miss Cheng. Guru-guru berkenaan begitu berpengalaman luas dan komited dengan tugas mereka. Mereka begitu kreatif dalam proses dan kaedah pengajaran-pembelajaran sehingga murid-murid seperti Hasbie berminat mengikuti pelajarannya.

Hasbie berjalan kaki dari rumahnya mulai pukul 7.30 pagi kerana dia perlu berada di sekolah pada pukul 8.00 pagi. Sebelum kelas bermula, perhimpunan diadakan terlebih dahulu, dan waktu itulah guru-guru berkenaan memberi pelbagai motivasi selama setengah jam.

Kemudian, Hasbie dan rakan-rakannya memasuki kelas. Hasbie kagum dengan cara penyampaian bahasa Inggeris guru-gurunya, yang dianggapnya begitu berkualiti dan indah. Hal ini memberi kesan kepada Hasbie sehingga jika dia hendak bercakap Inggeris, dia perlu berhati-hati dari segi intonasi dan tatabahasa. Murid-murid di dalam kelas Hasbie dapat dianggap begitu berdisiplin dan sentiasa akur kepada arahan guru-guru mereka sehingga mereka tidak pernah dikenakan hukuman.

Kelas Hasbie pernah dikunjungi oleh Rajah Charles Vyner Brooke, dan beliau bercakap dan memberi motivasi di hadapan kelas. Brooke memberi nasihat dan pengajaran supaya murid-murid belajar dengan bersungguh-sungguh. D.C. White, Setiausaha Kerajaan

Negeri Sarawak juga sering melawati mereka. Hal ini menggambarkan kesungguhan kerajaan untuk memastikan murid-murid di dalam kelas itu berjaya dari segi pelajaran kerana kerajaan mahu mereka memiliki kemahiran dan pengetahuan bagi memungkinkan mereka dilantik sebagai pegawai bumiputera di pejabat-pejabat kerajaan pada masa akan datang.

Hasbie dan rakan-rakannya turut diberi pelajaran melukis khas oleh Cikgu Said, seorang guru yang pakar yang dilatih di Maktab Perguruan Sultan Idris. Cikgu Said ialah seorang yang mempunyai pengalaman yang luas dalam ilmu seni lukis dan reka bentuk. Ketika mengajar beliau begitu bersungguh-sungguh dan cuba menyampaikan pelbagai teknik melukis yang sesuai. Beliau selalunya meminta murid-murid melukis pemandangan, objek, dan potret. Beliau juga banyak berjenaka ketika mengajar sehingga pelajaran begitu menyeronokkan. Namun ketika menilai lukisan yang dihasilkan oleh murid-muridnya, beliau begitu berhati-hati.

Cikgu Said memberi inspirasi dan motivasi kepada Hasbie supaya suatu hari dia dapat menjadi pelukis. Kebanyakan murid di dalam kelas itu akhirnya memiliki kemahiran dalam seni lukis. Selain melukis di dalam kelas, Hasbie banyak membuat latihan melukis selepas balik dari sekolah kerana percaya dengan latihan yang bersungguh-sungguh di luar waktu kelas dia dapat mencapai impiannya untuk menjadi pelukis yang handal.

Antara mata pelajaran yang dipelajari oleh Hasbie ialah Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Sejarah, Karangan dan Bacaan. Di bawah program itu, Hasbie dan rakan-rakannya di dalam kelas itu mendapat keistimewaan, talut diberi perkakas sekolah, minum susu pagi dan yuran secara percuma. Hasbie dan rakan-rakan sekelasnya pernah merakamkan gambar kenangan di hadapan Sekolah Menengah Madrasah Melayu, Kuching sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua.

Antara pelajar kelas khas Inggeris itu ialah Dollah Hassan, Arshad Hajji Abdul Rahman, Abdul Kadir Hassan, Hanis Mahli, Busrah Othman, Zuldel Bujang, Arabi Man, Borhan Sablo Mohammad dan Abang Muas Ahang Sapuani. Sebahagian besar daripada rakannya itu kemudiannya

menjadi orang ternama, pemimpin dan ketua jabatan di Sarawak pada dekad 1960-an dan 1970-an.

Malah, Mohamad Musa, seorang daripada rakan sekelasnya, menjadi wakil rakyat, daripada Parti Negara Sarawak (PANAS) pimpinan Datu Bandar Abang Haji Mustapha. Abdul Kadir Hassan menjadi Mufti Negeri Sarawak, Hanis Mahli menjadi Pengarah Jabatan Koperasi Sarawak, manakala Borhan Sablo menjadi Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur Sarawak.

Kehidupan Hasbie bukan ditatang di atas dulang emas. Semasa bersekolah di Sekolah Merpati Jepang, selain belajar Hasbie juga membantu orang tuanya menjual kuih-muih. Kuih-muih tersebut dibuat oleh ibunya. Kuih yang hendak dijual itu diletakkan di dalam talam dan ditutup dengan tudung saji. Hasbie menjunjung talam itu di atas kepalanya yang memakai songkok hitam bagi mengelakkan talam daripada tergelincir dan terjatuh.

Ibu Hasbie pandai membuat kuih tradisi Melayu seperti kuih bingka labu, pulut sambal, kuih rangin dan cucur pisang. Jenis kuih yang dijadinya ditukar-tukar bagi memastikan ia laku dan agar pembeli tidak muak.

Biasanya Hasbie keluar dari rumah pada jam 6.30 pagi selepas solat Subuh dengan talam yang dijunjung di atas kepala. Dia berjalan di sekeliling kampung di Jalan Datu dan kampung-kampung yang berdekatan sambil melaung "kuih, kuih, kuih" bagi menarik perhatian para penduduk yang ingin mendapatkan makanan untuk sarapan. Dengan suara sederhana nyaring Hasbie menarik perhatian penduduk kampung untuk membeli kuih yang dijualnya. Nama-nama kuih itu disebutnya satu per satu dengan suara berirama untuk menarik perhatian mereka.

Kuih yang dijualnya laris dibeli oleh penduduk. Hasbie puas hati kerana mendapat rezeki, sekali gus dapat membantu ibu bapanya dan menggembirakan hati ibunya yang terpaksa bersekang mata membuat kuih itu. Kuih itu lazimnya habis dijual sebelum pukul 7.30 pagi meskipun kadangkala ada juga bakinya. Jika tidak habis, kuih yang tinggal itu sama ada dimakan sendiri atau diberi kepada jiran tetangga.

Selepas bersiap sedia, Hasbie pun terus pergi ke sekolah yang terletak tidak berapa jauh dari rumahnya di Kampung Nombor Lima yang juga dikenali sebagai Kampung Sungai Lajim.



Murid-murid English Class A bergambar dalam kelas bersama dua orang guru mereka, Mrs Kennedy dan Miss Gray.



Murid-murid Special English Class A telah mengambil gambar kenangan sebelum terjadinya Perang Dunia Kedua melibatkan Sarawak dalam kancangnya. Gambar ini bertempat di hadapan Sekolah Madrasah Melayu, Kuching.

Dari kiri barisan hadapan: Dollah bin Hassan, Arshad bin Haji Abdul Rahman, Abdul Kadir bin Hassan, Mohamad bin Musa, Abdul Karim bin Abol, Alek bin Sopen, Hanis bin Mahli, Busrah bin Othman, Abang Julaihi bin Abang Juaini.

Barisan kedua berdiri: Rambli bin Abu Bakar, Wan Mustapha bin Tuanku Ahmad, Zaidel bin Bujang, Mohd Hasbie bin Sulaiman, Obeng bin Safi'ie, Abdul Latif bin Awi, Model bin Haji Paris, Bakeri bin Osman, Sahat bin Taha.

Barisan belakang: Arbi bin Man, Borhan Sablo bin Mohammad dan Abang Muas bin Abang Sapuan.

4

Seratus Tahun Kerajaan Brooke

Pada 1941, genaplah seratus tahun keluarga Brooke memerintah Sarawak. Sarawak yang ketika itu diperintah oleh Rajah Brooke ketiga, Charles Vyner Brooke mengadakan perayaan ulang tahun seabad memerintah Sarawak. Sarawak mulai diperintah oleh Rajah Brooke pertama, Rajah James Brooke pada 24 Disember 1841.

Sempena perayaan tersebut, kerajaan telah mengundang semua kaum untuk turut serta dalam perarakan bagi memeriahkan perayaan itu. Maka, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) telah diarahkan untuk mewakili kaum Melayu mengadakan persesembahan mereka. Justeru, PKMS telah meminta para penduduk Kampung Nombor Empat, yang diketuai oleh Ketua Kampung Hassan Endu untuk membina sebuah kereta berhias untuk mewakili kaum Melayu. Para penduduk kampung bergotong-royong membina kereta berhias itu siang dan malam. Kapal yang dibina itu menyerupai bahtera James

Brooke. Bahtera itu pernah digunakan oleh James Brooke ketika pertama kali melawat Sarawak pada 1839.

Bahtera yang dibina oleh penduduk kampung tanpa mengenal penat lelah itu mencerminkan semangat kerjasama dan perpaduan jitu dalam kalangan penduduk, sekali gus menandakan kesetiaan mereka kepada kerajaan di bawah pimpinan Vyner Brooke. Selepas bertungkus-lumus membina kapal berkenaan, dengan segala kreativiti mereka, akhirnya kapal itu pun berjaya disiapkan, lengkap dengan layar dan segala macam perhiasan.

Di atas kapal tersebut direka dan dibina sebuah singgahsana bagi menempatkan seorang ratu cantik. Gadis yang dipilih untuk duduk di singgahsana itu pada malam bersejarah ketika perarakan diadakan ialah Jawahir Rasdi. Selain itu, seorang pemuda turut dipilih bagi melakonkan watak James Brooke.

Pada malam itu, beliau memakai pakaian yang menyerupai pakaian yang sering dipakai oleh James Brooke ketika menaiki bahteranya sekitar seratus tahun sebelumnya. Kelasi kapal pada malam itu turut dihiasi dengan pakaian yang dipakai oleh kelasi Inggeris. Kereta berhias berkenaan turut dihiasi dengan lampu-lampu yang berkelipan, begitu berwarna-warni.

Disebabkan oleh kecantikan dan keunikannya, pihak penganjur perarakan telah memutuskan untuk meletakkan kapal berhias itu mendahului perarakan. Pada malam itu, orang ramai berpusu-pusu turun ke Kuching untuk menyaksikan perarakan paling besar dan terhebat yang pernah diadakan di Sarawak.

Sambutan orang ramai begitu luar biasa. Keadaan dan suasana di tebing Sungai Sarawak begitu meriah, dengan orang ramai begitu teruja apabila melihat segala macam rekaan. Mereka kagum dengan bahtera rekaan penduduk Kampung Nombor Empat, apatah lagi apabila melihat gaya kelasi dan ratu di atas singgahsana kapal.



James Brooke, Raja Pertama Sarawak.



Charles Brooke, Raja Kedua Sarawak.



Raja Sir Charles Vyner Brooke (1868-1917), Rajah of Sarawak. G.C.M.G., Rajah Negeri Sarawak yang terakhir---menurut Ketiga (1917-1946).



5

Semangat Ubi Kayu

Sebelum Jepun menyerang negara-negara di Lautan Pasifik atau Timur Jauh, berita peperangan sudah pun mencengkam penduduk. Gema peperangan sudah terdengar di Sarawak sejak 1940 kerana ancaman Jepun terhadap negeri China sudah bergelora dan banyak wilayah China telah ditawan. Jepun menandatangani perjanjian untuk bersekutu dengan Jerman pada 27 September 1940.

Negara-negara besar seperti Australia, New Zealand, Indonesia, Filipina, Burma, Indo-China dan Thailand di sebelah Timur telah membuat persiapan untuk menghadapi peperangan. Tetapi negeri-negeri tanah jajahan British seperti Malaya, Brunei, Sarawak, Borneo Utara dan Singapura tidak mempunyai persediaan yang lengkap seperti negara-negara lain yang berdekatan dengannya.

Sarawak yang ketika itu berada di bawah pemerintahan Rajah Charles Vyner Brooke hanya bergantung kepada perjanjian Great Britain untuk menaunginya dan menjaga keselamatan luar negerinya—menurut perjanjian tahun 1888 antara Kerajaan Brooke dengan Great Britain.